

Newspaper

Berita Harian

Date

30 March 2016

Peluang syarikat Bumiputera rebut kontrak projek besar

BH - 30/3/2016

» Pelaksanaan program *Carve Out & Compete* galak persaingan ikut keupayaan

Oleh Magendran Rajagopal
magendran@bh.com.my

► Putrajaya

Pelaksanaan program 'Carve Out & Compete' membuka ruang kepada syarikat Bumiputera yang layak bersaing sesama mereka bagi mendapatkan kontrak dalam projek besar dalam negara, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata program perintis itu diperkenalkan dalam projek Mass Rapid Transit (MRT) dan terbaru dalam projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak dan Bukit Bintang City Centre (BBCC).

"Bagi projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak, kita pecahkan kepada Tier 1, Tier 2 dan Tier 3. Tier 3 dikhususkan untuk kontraktor Kelas F Bumiputera di mana mereka boleh mendapatkan kontrak dengan

nilai keseluruhan RM5 bilion hingga RM8 bilion.

"Projek BBCC bagi membangunkan tapak Penjara Pudu, di bawah inisiatif UDA Holdings Berhad, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Eco World Development Group Bhd (EcoWorld) pula memperuntukkan 50 peratus atau RM1.6 bilion daripada kontrak pembinaan projek itu kepada syarikat Bumiputera.

Beri kontrak ikut kebolehan

"Ini menunjukkan pelaksanaan 'Carve Out & Compete' memberi kesan besar kepada syarikat Bumiputera tetapi mereka masih perlu bersaing sesama sendiri kerana kontrak diberi atas kebolehan mereka," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB) di sini, semalam.

Pada majlis itu, Najib menyaksikan pertukaran dokumen perjanjian program 'Adopt & Grow' membabitkan Skim Usahawan Permulaan Bumiputera (SUPERB) inisiatif Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) dengan Celcom Axiata Sdn Bhd dan Touch & Go Sdn Bhd.

Beliau turut menyaksikan

“*Ini menunjukkan pelaksanaan 'Carve Out & Compete' memberi kesan besar kepada syarikat Bumiputera tetapi mereka masih perlu bersaing sesama sendiri kerana kontrak diberi atas kebolehan mereka*”

Najib Razak,
Perdana Menteri

pertukaran dokumen perjanjian antara Ais Solutions Sdn Bhd (Ais), syarikat milik usahawan Muhamad Shahril Shahbudin, dengan AirAsia Berhad (AirAsia) bagi mengkomersialkan khidmat pembersihan enjin pesawat menggunakan ais kering.

Shahril, yang juga pemenang SUPERB Siri 1 Tahun 2014, akan bekerjasama dengan AirAsia di mana prototaip teknologi pembersihan enjin pesawat itu akan diguna pakai oleh AirAsia sebelum membantu Ais dari segi sokongan teknikal, kemudahan latihan dan penyelidikan pasaran.

Lahir 90 usahawan

Najib berkata, SUPERB yang dilancar pada Januari 2014 setakat ini sudah melahirkan 90 usahawan Bumiputera dalam pelbagai industri, di mana TERAJU membantu dari segi modal permulaan selain aspek bimbingan atau *mentoring*.

SUPERB dimulakan bagi membantu syarikat pemula Bumiputera membawa idea perniagaan kreatif dan inovatif ke peringkat lebih tinggi selain menggalakkan lebih banyak penyertaan golongan belia Bumiputera dalam bidang keusahawanan.